

BAHAYA LAMPIN PAKAI BUANG (DISPOSABLE DIAPERS)

UTUSAN PENGUNA
 Disana Pengguna sangat mengadukan mengenai, aduan dan apa ja kulturny yang dapat memuatkan maklumat. Di bawah website yang baik untuk anda memuatkan maklumat. Kiri-kiri mengenai aduan kepada Pengguna (Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan, 10100 Pulau Pinang, Tel. 04-2281010 atau Fax: 04-2281016)

Lampin pakai buang, tuala wanita & tampun ANCAMAN TOKSIN

PUTIH, "halus", "lembak" – dan membolehkan. Lampin pakai buang (untuk bayi dan orang dewasa), tuala wanita dan tampun mengandungi perubahan merupakan bahan penyebab kanser dan bahan toksik lain ke dalam tubuh kita. Belajarlah bagaimana untuk melindungi diri kita dengan produk ini. (Luar muka 2/3)

Kain kapas alternatif pakai semula

Lampin bayi kain kapas organik
 Tuala wanita kain kapas
 Tuala wanita kain kapas organik

Ini bukan isu baru tetapi benda ni dah lama di luar negara. di malaysia, persatuan pengguna pulau pinang (CAP) pernah keluarkan isu ni.. tetapi kerajaan take no action (atau terlalu lama masa perlu diambil utk bertindak). tau2 jer la pihak kerajaan, byk pihak perlu dijaga. utk mengharamkan BPA dlm pembuatan botol susu pun kena ambil masa setahun???

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menasihatkan ibu bapa supaya tidak memakaikan bayi mereka dengan lampin paki buang kerana ia mengandungi bahan kimia beracun yang boleh memudaratkan kesihatan bayi.

Ini memandangkan bayi sedang membentuk sistem imun dan mengalami pertumbuhan organ dan tubuh yang sihat sepanjang hayat mereka. Pendedahan kepada bahan kimia beracun boleh **membantutkan perkembangan bayi dan menimbulkan masalah kesihatan dalam jangka panjang.**

Kulit bayi lebih nipis dan cenderung menerima kesan daripada bahan kimia yang mudah diserap masuk dalam tubuh. Lampin pakai buang diperbuat daripada bahan-bahan tiruan seperti polyethylene film bagi pelapik perlindungan lampin itu, polyester (bagi lapisan atas lampin yang porous), polypropylene (bagi pelapik lampin dan pita yang digunakan bagi mengetatkan lampin, atau untuk lapisan lampin yang paling atas), pulp fluff daripada pulpa kayu yang diawet dengan klorin (yang menghasilkan dioksin, bahan penyebab kanser sebagai hasil sampingan), sodium polyacrylate (gel bertoksik yang kuat daya serapannya) untuk lapisan dalam lampin, minyak dan resin yang berpotensi menimbulkan alergi (sebagai gam yang mengikat lampin), wangian yang memudaratkan dan bahan-bahan kimia lain yang berbahaya seperti tributylin (salah satu bahan paling beracun pernah dihasilkan).

Sebahagian daripada bahan-bahan kimia tersebut boleh menimbulkan masalah kesihatan kepada bayi seperti **ruam yang menyakitkan dan asma, serta masalah ketidaksuburan dan kanser apabila dewasa kelak.**

Pengeluar lampin pakai buang sering mendakwa produk mereka boleh memastikan bayi berada dalam keadaan kering berjam-jam lamanya. Ini berikutan penggunaan **bahan kimia sodium polyacrylate**, sejenis gel yang terdapat dalam bahagian tengah lampin yang menjauhkan air daripada kulit bayi. Ini dimasukkan ke dalam lampin dalam bentuk serbuk berbiji yang bertukar menjadi gel apabila basah. **Juga dikenali sebagai kristal polimer, sodium polyacrylate boleh menyerap 200-300 kali beratnya dalam air, dan membendungnya dalam bentuk gel bergetah.**

Penggunaan sodium polyacrylate dalam lampin pakai buang memudahkan tugas ibu kerana tidak perlu menukar lampin bayi. Namun begitu ia menyebabkan bayi ditumbuhi ruam kerana terdedah kepada bahan-bahan kimia yang diserap, pertumbuhan bakteria dan ammonia daripada air kencing yang terkumpul dalam lampin. Pada masa yang sama ia juga menarik lembapan (bukan air kencing saja) daripada kulit bayi yang menggalakkan kegatalan kulit. **Bahan ini dilaporkan boleh menyebabkan radangan kulit yang teruk, pendarahan daripada tisu-tisu perineum dan scrotal, demam, muntah dan jangkitan staph di kalangan bayi.**

Bahan beracun dalam lampin pakai buang – CAP

Utusan Melayu
 25/02/2010
 Mahamad Adnan, presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), berkata ia mengandungi bahan kimia beracun yang boleh memudaratkan kesihatan bayi. Beliau berkata ia mengandungi bahan kimia beracun yang boleh memudaratkan kesihatan bayi. Beliau berkata ia mengandungi bahan kimia beracun yang boleh memudaratkan kesihatan bayi.

Pakai lampin bayi lebih baik.

Mahamad Adnan memarahkan peng-peng pada masa di dalam lampin pakai buang.